



**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN)  
KENYATAAN TENDER**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan berikut:

BUTIRAN TENDER	KOD BIDANG PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN	TARIKH TUTUP
<b>TENDER LPP BIL. 07/2023</b>  MEMBEKAL DAN MENGHANTAR 1,230 EKOR ANAK LEMBU JANTAN BAKA KACUKAN BRAHMAN BAGI TUJUAN PENGGEMUKAN DAN SEMBELIHAN UNTUK PROJEK PEMBANGUNAN TERNAKAN LEMBU FIDLOT BAGI PPN PERAK, PPN TERENGGANU, PPN PAHANG, PPN JOHOR DAN PPK KUALA SELANGOR	<b>BERDAFTAR DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA DI BAWAH KOD BIDANG</b>  070202 PERTANIAN, PERHUTANAN DAN TERNAKAN - HAIWAN TERNAKAN, BUKAN TERNAKAN DAN AKUATIK	<b>RM 300.00</b>	<b>15 OGOS 2023 (SELASA)</b>

Dokumen tender boleh dibeli di alamat berikut pada waktu pejabat jam **9.00 pagi hingga 4.00 petang** mulai **25 Julai 2023 (Selasa)**.

**LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG  
CAWANGAN PEROLEHAN, BAHAGIAN KEWANGAN,  
ARAS 8B MENARA LPP, NO. 20, JALAN SULTAN SALAHUDDIN  
50480 KUALA LUMPUR (Tel: 03-26109600)**

Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil pembekal dan pembekal yang sah sahaja. Untuk maksud ini pembekal hendaklah membawa **SIJIL ASAL PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN DAN SIJIL PENDAFTARAN TARAF BUMIPUTERA (JIKA ADA)**. Satu Salinan hendaklah diserahkan untuk simpanan Lembaga Pertubuhan Peladang sebelum dibenar membeli dokumen tender.

Bayaran hendaklah dibuat dengan **pembayaran secara dalam talian (internet banking – instant transfer sahaja)** atas nama **LEMBAGA PERTUBUHAN PELADANG**. Wang ini tidak akan dikembalikan.

Dokumen tender yang telah sempurna hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri yang mengandungi dokumen **Set A** (Tawaran Harga) dan **Set B** (Tawaran Teknikal) serta dicatitkan nombor tender di sudut kiri atas sampul surat tersebut. Dokumen tender tersebut hendaklah dimasukkan ke dalam Peti tender di alamat seperti dinyatakan di atas **sebelum atau pada tarikh tutup yang dinyatakan di atas Jam 12.00 tengah hari**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa tender ditutup akan ditolak.

Lembaga Pertubuhan Peladang tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran.

**Tarikh Iklan : 25 Julai 2023 (Selasa)**

  
**AZLINI BINTI ABDULLAH**  
Ketua Cawangan Perolehan  
Bahagian Kewangan  
Lembaga Pertubuhan Peladang